

Terma dan Syarat Rebat Tunai Kad Komersial UOB

Berkuatkuasa 21 Jan 2020

Am

Terma dan syarat ini ("Terma dan Syarat") akan digunakan untuk Kad Komersial UOB yang dikeluarkan oleh United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) ("UOBM") kepada Ahli Kad [Nota: Dalam Terma dan Syarat ini, "Kad Komersial UOB" bermakna Kad Business Platinum UOB, Kad Korporat UOB, Kad Pembelian UOB dan Kad World Business Mastercard UOB [kecuali dinyatakan sebaliknya] dan perlu dibaca bersama dengan Perjanjian Ahli Kad VISA/MASTERCARD UOBM ("Perjanjian Ahli Kad"). [Nota: Untuk mengelakkan keraguan, "Ahli Kad" bermakna Ahli Kad utama.]

Kecuali ditakrif secara berbeza dalam Terma dan Syarat ini, perkataan dan ungkapan yang digunakan di dalam Terma dan Syarat ini akan mempunyai makna yang sama seperti di dalam Perjanjian Ahli Kad.

UOBM berhak, pada bila-bila masa, untuk menentukan semua perkara berhubung dengan ganjaran atau penggunaan mana-mana atau semua manfaat dan keistimewaan yang dinyatakan di bawah dan keputusan UOBM adalah muktamad dan dipatuhi oleh Ahli Kad. Manfaat dan keistimewaan yang diuraikan di bawah boleh dipinda, ditambah atau ditarik balik oleh UOBM pada bila-bila masa dengan memberikan notis terlebih dahulu.

Program Rebat Tunai Kad Komersial UOBM ("Program")

1. Rebat Tunai berikut akan diberikan untuk apa-apa perbelanjaan yang menggunakan Kad Komersial UOB ("Kad"):
 - a. Kad Business Platinum UOB – Rebat Tunai sebanyak 0.30% ke atas semua perbelanjaan
 - b. Kad Korporat UOB dan Kad Pembelian UOB – Rebat Tunai sebanyak 0.25% ke atas semua perbelanjaan
 - c. Kad World Business Mastercard UOB – Rebat Tunai sebanyak 1.00% (luar negara) / 0.10% (tempatan) ke atas semua perbelanjaan
 - d. Kategori perbelanjaan dan kadar untuk Rebat Tunai adalah tertakluk kepada perubahan dan akan disemak secara berkala oleh UOBM dari semasa ke semasa

Nota: Perkara di atas tidak boleh digunakan untuk program kad di bawah kerjasama khas dengan rakan kongsi, program 'close-loop' dan program rujukan.

2. Apa-apa Rebat Tunai yang terkumpul termasuk rebat yang belum dikreditkan ke dalam Akaun Kad Komersial UOB Ahli Kad akan dihentikan dengan serta-merta jika mana-mana satu daripada yang berikut berlaku:
 - a. Sebarang pembatalan Kad Komersial UOB; atau
 - b. Sebarang penukaran daripada Kad Komersial UOB kepada mana-mana Kad Kredit UOBM lain dan tiada bayaran balik, pelanjutan atau pampasan akan diberikan oleh UOBM; atau
 - c. Akaun Kad Komersial UOB menjadi tertunggak dan tiada bayaran balik, pelanjutan atau pampasan akan diberikan oleh UOBM.

3. Untuk Kad Business Platinum UOB dan Kad World Business MasterCard UOB, jumlah Rebat Tunai yang diperoleh setiap bulan akan dikreditkan secara automatik ke dalam Akaun Kad Komersial UOB Ahli Kad dan ini akan dinyatakan dalam Penyata Akaun bulanan yang berikutnya selepas tarikh pengkreditan Rebat Tunai. Sekiranya sistem yang menyokong proses automatik ini tidak disediakan pada bila-bila masa, proses manual akan digunakan oleh UOBM untuk mengkredit Rebat Tunai yang diperoleh setiap bulan ke dalam Akaun Kad Komersial UOB Ahli Kad dan ini akan dinyatakan dalam Penyata Akaun bulanan yang berikutnya.
4. Untuk Kad Korporat UOB dan Kad Pembelian UOB, jumlah Rebat Tunai yang diperoleh setiap tahun akan dikreditkan ke dalam Akaun Kad Komersial UOB Ahli Kad dan ini akan ditunjukkan dalam Penyata Akaun bulanan yang berikutnya selepas tarikh pengkreditan Rebat Tunai tersebut.
5. Tertakluk kepada Klausula 8, “semua perbelanjaan” akan termasuk gabungan perbelanjaan kedua-dua Kad utama dan tambahan yang dikenakan ke atas Kad. Untuk mengelakkan keraguan, hanya Ahli Kad utama akan layak mendapat Rebat Tunai.
6. UOBM berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Program ini secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa dengan memberikan notis terlebih dahulu. Untuk mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan Program ini oleh UOBM tidak akan memberi hak kepada Ahli Kad untuk melakukan sebarang tuntutan atau pampasan terhadap UOBM untuk sebarang dan semua kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Ahli Kad sama ada diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan sedemikian.
7. Semua Ahli Kad layak menyertai Program ini dengan syarat bahawa Ahli Kad tidak mengingkari sebarang terma dan syarat dalam Perjanjian Ahli Kad.
8. Tanpa menjejaskan keluasan makna yang dinyatakan sebelum ini, sekiranya Rebat Tunai di bawah Program ini diberikan kepada dan diterima oleh individu yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang tindakan penipuan atau kesalahan berhubung dengan penggunaan Kad Komersial UOB mereka dan/atau sebarang transaksi yang dilakukan dengan menggunakan Kad Komersial UOB mereka, UOBM berhak untuk membatalkan penyertaan individu tersebut daripada memperoleh atau menggunakan Rebat Tunai.

Pengecualian

9. Rebat Tunai mesti dikumpul melalui pembelian yang dilakukan dengan Kad Komersial UOB sahaja. Transaksi berikut tidak termasuk dalam tujuan pengumpulan Rebat Tunai:
 - a. Pemindahan Baki;
 - b. Pembelian Pelan Pembayaran *Easi*;
 - c. Transaksi runcit yang dipulangkan, dipertikaikan, tidak sah atau ditipu;
 - d. Pengeluaran tunai;

- e. Pembayaran fi keahlian kad tahunan, sebarang bayaran cukai, duti, faedah, fi bayaran lewat, caj untuk pengeluaran tunai, cukai dan apa-apa bentuk fi perkhidmatan atau pelbagai lain yang menggunakan Kad Komersial UOBM.

Terma dan Syarat Am

10. Ahli Kad bersetuju untuk diikat oleh terma dan syarat ini termasuk sebarang pindaan dan/atau perubahan kepadanya dan juga terma dan syarat dalam Perjanjian Ahli Kad. Sekiranya terdapat percanggahan antara terma dan syarat ini dan Perjanjian Ahli Kad, terma dan syarat ini akan dikekalkan.
11. UOBM tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menanggung sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Ahli Kad dan/atau mana-mana pihak ketiga yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan Ahli Kad dalam Program ini kecuali jika ia disebabkan oleh kecuaiian melampau atau salah laku sengaja UOBM yang berkaitan khususnya dengan Program.
12. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat ini dan Perjanjian Ahli Kad, Terma dan Syarat ini akan dikekalkan untuk semua perkara berhubung dengan Program ini.
13. Keputusan UOBM dalam semua perkara berhubung dengan Program ini, termasuk penentuan Rebat Tunai dan kategori untuk Rebat Tunai adalah muktamad dan akan mengikat semua Ahli Kad dan surat-menyurat yang selanjutnya atau percubaan untuk mempertikaikan keputusan tersebut tidak akan dilayan.
14. UOBM tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang salah nyata atau salah tafsir fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dibenarkan berhubung dengan Program dan/atau Rebat Tunai yang ditawarkan dan diterbitkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan.
15. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, UOBM dengan jelas mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, jaminan atau pengendorsan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa had kepada apa-apa yang tercetak dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk sesuatu tujuan tertentu berhubung dengan Program ini dan Rebat Tunai di bawah Program ini.
16. UOBM berhak untuk menambah, mengeluarkan, menggantung atau mengubah Terma dan Syarat ini, dari semasa ke semasa, secara keseluruhan atau sebahagian, pada budi bicara mutlaknyanya, dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu kepada Ahli Kad melalui paparan pada laman web UOBM, penampilan notis di mana-mana cawangan UOBM, Khidmat Pesanan Ringkas dan/atau kenyataan yang dimasukkan ke dalam Penyata Akaun.
17. Terma dan Syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Ahli Kad bersetuju menyerahkan kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.